

Festival Skrin Digital UMS kembali

NST 15.12.17 9

KOTA KINABALU: Acara tahunan anjuran Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FK-SW) yang disertai oleh para pelajar dari program Seni Kreatif kini kembali memeriehkan suasana.

Bertempat di Dewan Resital, FKSW, UMS, acara yang bakal berlangsung selama tiga hari bermula kelmarin itu akan dimehriahkan dengan tayangan pelbagai filem pendek yang dihasilkan oleh para pelajar FK-SW.

Pelajar, Anyai Mambut ketika ditemui New Sabah Times semasa acara pembukaan program itu berkongsi bahawa festival yang diadakan itu adalah acara tahunan yang wajib untuk disertai olehnya.

"Setiap kali Festival Skrin Digital ini diadakan, pasti saya tidak akan melepaskan peluang dan saya kira ramai lagi pelajar seni

khususnya pasti turut serta menyokong acara ini.

"Saya juga pernah terlibat dalam penghasilan filem pendek semasa zaman saya degree dahulu dan saya sentiasa komited untuk terus menyokong aktiviti yang diadakan oleh junior-junior saya di FKSW," jelasnya kepada wartawan.

Dalam pada itu, acara yang bakal menutup tirai pada Sabtu ini turut menyediakan ruang pameran seni di persekitaran Dewan Resital yang mana pelbagai hasil seni karya pelajar FKSW dipertontonkan kepada para pengunjung.

Orang ramai dijemput hadir untuk sama-sama memeriehkan Festival Skrin Digital tersebut dan bayaran RM3 sebagai tiket masuk untuk menonton tayangan filem pendek. - OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE